

Memperkasa Pengurusan Agihan Zakat di Institusi Masjid Malaysia: Isu dan Cabaran

Empowering Zakat Distribution Management in Mosque Institutions of Malaysia: Issues and Challenges

Azman Ab Rahman*, Mursyid Junaidi Mohd Faisal Yeap

Faculty of Syariah and Law, Islamic Science University of Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

*Corresponding author: azman@usim.edu.my

Article history

Received: 2019-01-06

Received in revised form: 2019-03-21

Accepted: 2019-07-07

Published online: 2019-10-07

Abstract

Zakat management in Malaysia has always been experiencing a significant change in respect of its collection and distribution. Various transformations have taken place in ensuring the empowerment of zakat institutions particularly in assisting the asnaf group. While the governance of zakat management in Malaysia differs from each state, its objectives and purposes are the same as to preserve the development of ummah from the spiritual, economic, social, health, and other aspects. Countless efforts have been carried out to ensure the distribution of zakat is implemented effectively, fair, and equitable. The mosque institution is seen as among the best alternatives in ensuring the distribution of zakat can be distributed systematically in a structured and focused manner as the way it was implemented throughout the time of Prophet Muhammad (pbuh) and his Companions. Therefore, this article will assess the zakat distribution practices in mosque institution of Malaysia. This study will also discuss the issues and challenges confronted in the implementation of zakat distribution management in mosque institutions as well as a proposition of a new zakat management model in mosque institutions. The findings indicate that there are some states in Malaysia that implementing zakat distribution in mosque institution, however without having a permanent organizational structure with the mosque management itself. Further studies on the methods and mechanisms of zakat distribution in mosque institutions can be held to scrutinize directly the issues and challenges encountered if mosque institutions are to handle the zakat distribution management. Hopefully this study is able to be a guide and reference to the State Islamic Religious Council in strengthening the zakat management in mosque institutions of Malaysia.

Keywords: Zakat distribution management, mosque institutions, zakat localization, asnaf.

Abstrak

Pengurusan zakat di Malaysia sejak dulu hingga kini telah mencatatkan perubahan yang signifikan dari segi kutipan dan agihan. Pelbagai transformasi berlaku bagi memastikan permenaraan institusi zakat khususnya dalam membantu golongan asnaf. Walaupun tadbir urus pengurusan zakat di Malaysia berbeza antara setiap negeri, namun objektif dan tujuan adalah sama bagi melestarikan pembangunan ummah dari aspek kerohanian, ekonomi, sosial, kesihatan dan lain-lain. Pelbagai usaha dijalankan bagi memastikan agihan zakat dilaksanakan secara berkesan, adil dan saksama. Institusi masjid dilihat salah satu alternatif terbaik dalam memastikan agihan zakat dapat diagihkan secara sistematis, tersusun, dan berfokus sebagaimana yang dilaksanakan pada zaman Rasullullah SAW dan para sahabat. Justeru, artikel ini akan menilai amalan pengagihan zakat melalui institusi masjid yang dilaksanakan di Malaysia. Kajian juga akan membincangkan isu dan cabaran yang timbul dalam melaksanakan pengurusan agihan zakat di Masjid termasuk cadangan model pengurusan zakat di institusi masjid. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa buah negeri yang melaksanakan agihan zakat melalui institusi masjid tanpa mempunyai struktur organisasi yang tetap bersama pihak pengurusan masjid. Kajian lanjutan berkaitan kaedah dan mekanisma pengagihan zakat di masjid boleh dijalankan bagi melihat secara langsung isu dan cabaran yang dihadapi sekiranya institusi masjid menjalankan pengurusan agihan zakat. Diharapkan kajian ini berupaya menjadi panduan dan rujukan kepada Majlis Agama Islam Negeri dalam memperkasakan pengurusan zakat di masjid.

Kata Kunci: pengurusan agihan zakat, institusi masjid, lokalisasi zakat, asnaf.

1.0 PENDAHULUAN

Zakat adalah rukun Islam ketiga yang diwajibkan ke atas setiap umat Islam yang menepati syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Syarak. Ia dianggap sebagai salah satu ibadah utama serta sumber kewangan yang mampu menjamin kelangsungan sosial umat Islam. Pengurusan zakat yang profesional dan sistematik mampu mengimbangi perbezaan pendapatan antara golongan kaya dengan golongan yang kurang bernasib baik dan miskin serta dapat mengurangkan kadar kemiskinan bagi golongan asnaf fakir dan miskin sekali gus menjamin kelestarian sosio-ekonomi masyarakat.

Masjid merupakan institusi Islam yang memainkan peranan penting dalam konteks pembangunan dan pengurusan hal ehwal agama Islam sejak zaman Rasulullah SAW sehingga kini. Fungsi institusi masjid harus diperluas dan diperhebat lantaran pelbagai permasalahan yang timbul melibatkan ekonomi, politik dan sosial masyarakat yang berpunca daripada umat Islam yang semakin menjauhi masjid. Masjid juga berperanan sebagai pusat kegiatan sosial ekonomi (Mutiara & Muchtar, 2010).

Lebih dari itu, masjid bukan sahaja berperanan sebagai pusat keagamaan untuk melaksanakan ibadah-ibadah seperti sembahyang fardu, tempat peningkatan aktiviti-aktiviti berkaitan ibadah puasa, tempat iktikaf dan tempat paling sesuai untuk membaca al-Quran, malahan masjid juga merupakan tempat paling strategik untuk membuat pembayaran dan agihan zakat (Sidi Gazalba, 1976).

Pelaksanaan konsep pengurusan agihan zakat di institusi masjid dilihat sebagai satu usaha yang efektif dan sesuai untuk diperkasakan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia pada masa kini. Cadangan untuk memperluas dan memperkuuh institusi pengurusan zakat di masjid-masjid secara lokal atau tempatan perlu diteliti pengaplikasiannya dalam segenap aspek sebelum disebarluaskan dalam negara ini bagi menjamin pelaksanaan sistem pengurusan zakat yang berkesan.

2.0 SEJARAH PENGURUSAN ZAKAT DALAM ISLAM DI INSTITUSI MASJID

Amalan berzakat dalam erti kata sedekah dan infaq telah bermula seawal perkembangan Islam di Mekah. Umat Islam digalakkkan untuk menginfaq sebahagian daripada harta mereka sebagai usaha untuk mendampingkan diri kepada Allah SWT dan mencapai sifat ketakwaan. Kewajipan berzakat juga tidak dijelaskan secara menyeluruh dalam ayat-ayat al-Quran seperti bentuk harta benda dan bilangan yang wajib dizakatkan. Pada waktu itu, zakat hanya ditunaikan berdasarkan kepada timbang rasa dan kebaikan hati orang-orang Islam (Kahf, 1999).

Pensyariatan zakat dalam Islam diturunkan selepas dua tahun Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah. Zakat telah disyariatkan dalam bentuk yang lengkap, sempurna, dan terperinci meliputi ketetapan terhadap bentuk-bentuk harta dan benda serta bilangan yang wajib ditunaikan zakat, golongan-golongan asnaf yang berhak menerima zakat serta perkara-perkara penting lain yang berkaitan dengannya (Kahf, 1999).

Sistem pengurusan dan tadbir urus zakat pada ketika itu dilakukan di masjid. Perkara ini berlaku demikian kerana pada waktu tersebut tiap-tiap harta yang diperoleh termasuk hasil kutipan zakat akan dikumpulkan di masjid sekali gus menjadikannya institusi baitulmal pertama

dalam sejarah Islam (Hairunnizam Wahid, 2012). Institusi masjid telah dijadikan sebagai sebuah hub kegiatan hal ehwal berkaitan fungsi baitulmal terutamanya yang melibatkan pengurusan zakat di samping sebagai pusat pentadbiran urusan negara yang melibatkan penyusunan dan perancangan pelbagai peraturan serta penyelesaian terhadap masalah-masalah berkaitan umat Islam (Sidi Ghazalba, 1975).

Institusi masjid pada ketika itu telah memainkan peranan yang penting terhadap perkembangan Islam. Masjid bukan sahaja menjadi sebuah tempat untuk mendirikan ibadat-ibadat khusus seperti solat, zikir, tilawah al-Quran dan seumpamanya, malah ia turut menjadi pusat pembangunan umat Islam yang bersifat komprehensif.

Ketika zaman pentadbiran Khalifah Umar bin Khattab, beliau telah membuat keputusan untuk menyimpan lebihan hasil kutipan zakat untuk kegunaan pada masa darurat. Hal ini kerana, pada ketika itu, hasil kutipan dana zakat begitu banyak dan melebihi jumlah agihan. Oleh itu, beliau telah menubuhkan institusi baitulmal secara rasmi bagi menjalankan peranan menguruskan dana zakat tersebut. Baitulmal berfungsi sebagai sebuah lembaga kewangan Islam atau perbendaharaan yang memfokuskan kepada hal ehwal kewangan negara.

Penubuhan baitulmal ini bukan sahaja bermatlamat untuk menyediakan kemudahan kepada umat Islam malah ia juga bertujuan untuk memelihara kepentingan dan kemaslahatan Islam. Baitulmal berperanan merangka prakarsa bagi menyelia pengurusan zakat negara bertujuan untuk memperkasa fungsi negara dalam pengurusan zakat bagi mewujudkan pengagihan zakat yang berkesan.

Institusi masjid pada zaman Rasulullah SAW mempunyai peranan yang amat besar dalam menguruskan hal ehwal perbendaharaan negara terutamanya yang melibatkan pengurusan dana zakat. Amalan tadbir urus pengurusan zakat di institusi masjid telah memperlihatkan bahawa ia bukan sekadar dapat memastikan agihan dana zakat dapat dilakukan dengan telus dan cekap, malah ia juga dapat memastikan hasil kutipan zakat dapat diagihkan dengan cepat dan efisien selepas ianya dikutip. Hal ini kerana, secara prinsipnya melalui pemusatan masjid sebagai institusi baitulmal, hasil kutipan zakat serta agihannya dapat dilakukan dalam kawasan yang sama.

Institusi masjid telah memainkan peranan yang amat penting dalam pelbagai aspek sebagai pusat pentadbiran kerajaan Islam semasa zaman kegemilangannya. Walau bagaimanapun kini, kepelbagaiannya fungsi institusi masjid tersebut telah diambil alih oleh entiti-entiti yang diwujudkan oleh phak kerajaan seperti institusi, kementerian, lembaga, pusat dan sebagainya (Fidlizan & Mohd Yahya, 2009). Kesannya, institusi masjid hanya dikenali sebagai pusat ibadat dan aktiviti-aktiviti keagamaan.

Peranan institusi masjid sebagai pencetus sosio-ekonomi ummah harus dimanifestasikan bagi mengembalikan kepercayaan dan keyakinan umat Islam serta kegemilangan institusi masjid seperti ketika zaman Rasulullah SAW. Justeru, peranan masjid dalam konteks pengurusan zakat perlu dikaji dan diteliti dalam usaha memperkasakan institusi zakat secara menyeluruh dan total.

3.0 REALITI PENGURUSAN ZAKAT DI INSTITUSI MASJID MALAYSIA

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada Kerajaan Persekutuan yang meliputi 13 buah negeri. Terdapat institusi formal di Malaysia yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal yang berkaitan pengurusan zakat. Institusi pengurusan zakat ini diberi tanggungjawab untuk menguruskan proses kutipan zakat meliputi zakat fitrah dan zakat harta.

Institusi tersebut diletakkan di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Kepelbagaiannya aspek pengurusan dan pentadbiran menyebabkan wujudnya perbezaan dalam aktiviti kutipan dan agihan zakat bagi setiap negeri di Malaysia.

3.1 Pengurusan Zakat di Institusi Masjid di Selangor

Pengurusan kutipan dan agihan dana zakat di negeri Selangor diuruskan oleh LZS, di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). LZS berperanan penting dalam mendidik, memberi kefahaman serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan berzakat dengan mewujudkan perkhidmatan kutipan serta pengurusan agihan zakat kepada golongan asnaf. LZS telah mengambil inisiatif dan langkah yang lebih progresif demi membantu ummah dalam melaksanakan urusan zakat dengan membuka kaunter perkhidmatan pembayaran zakat di beberapa tempat di negeri Selangor yang dikenali sebagai Kaunter Mini LZS.

Kaunter Mini LZS pada awal penubuhannya ditempatkan di lokasi-lokasi terpilih yang menjadi tumpuan masyarakat seperti masjid dan balai penghulu. Pemilihan lokasi-lokasi ini bertujuan agar mudah dikunjungi oleh para asnaf dan tidak menyusahkan mereka untuk datang ke kaunter mini zakat.

Tujuan utama pembukaan kaunter mini zakat terutamanya di daerah Klang, Kuala Langat dan Kuala Selangor adalah untuk memudahkan urusan agihan zakat kepada para asnaf yang tinggal jauh dari cawangan LZS di daerah berkenaan.

Pelbagai perkhidmatan disediakan di kaunter mini zakat dan ia meliputi pertanyaan, pengambilan, penghantaran borang bantuan zakat dan semakan status bantuan zakat. Pada peringkat permulaan pembukaan kaunter mini zakat, ia hanya menawarkan perkhidmatan berkaitan agihan zakat sahaja, manakala perkhidmatan kutipan zakat masih melalui cawangan zakat di daerah. Perkhidmatan kaunter mini zakat yang telah beroperasi sepenuhnya di negeri Selangor adalah di daerah Sepang, Kuala Langat, Hulu Langat, Petaling, Gombak, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Klang dan Sabak Bernam.

Walau bagaimanapun, LZS turut merancang untuk memperluaskan kemudahan kaunter mini zakat yang telah sedia ada ke semua daerah di negeri Selangor bagi kemudahan penduduk terutama yang beragama Islam dalam melaksanakan tuntutan zakat.

3.2 Pengurusan Zakat menerusi Institusi Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Sistem pengurusan zakat di Wilayah Persekutuan boleh dibahagikan kepada dua aspek pengurusan iaitu pengurusan kutipan dan pengurusan agihan. Di Wilayah Persekutuan, agensi yang menguruskan kutipan zakat adalah Pusat Pungutan Zakat (PPZ) manakala agensi yang menguruskan agihan zakat adalah Bahagian Baitulmal, MAIWP.

Kaunter zakat yang disediakan di masjid-masjid di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdapat di empat buah masjid utama iaitu Masjid Negara, Masjid at-Taqwa di Taman Tun Dr. Ismail (TTDI), Masjid al-Imam al-Ghazali di Kepong dan Masjid Abd Rahman bin Auf di Puchong.

Kaunter PPZ yang dibuka di masjid-masjid mampu menyebarluaskan dakwah zakat kepada ahli qariah dan jemaah masjid terhadap tuntutan kewajipan berzakat sekali gus memperkenalkan PPZ-MAIWP sebagai sebuah institusi kutipan zakat yang berfungsi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya merupakan salah satu masjid yang menjalankan aktiviti pengurusan zakat di Malaysia. Namun pengurusan zakat ini memfokuskan kepada kutipan zakat sahaja. Masjid ini terkenal dengan kaedah kutipan zakat secara pandu lalu. Secara rasminya, pengurusan kutipan zakat secara pandu lalu ini bermula pada tahun 2012. Bermula pada tahun 2011, pihak pengurusan masjid sudah mempunyai idea untuk melakukan pembayaran zakat secara pandu lalu ini, namun beberapa perkara yang melibatkan operasi perlu diselesaikan terlebih dahulu. Pada permulaan tahun 2011, pihak masjid hanya menyediakan meja dan kerusi sahaja untuk pembayaran zakat dan tidak mempunyai kaunter khusus seperti sekarang. Walaupun persediaan yang sebegini, tetapi sambutan amat menggalakkan daripada masyarakat Islam yang ingin membayar zakat (Hamdan Muhammad, 2018).

Berdasarkan sambutan yang baik diterima oleh masyarakat, pihak pengurusan masjid telah mengorak langkah ke hadapan melalui perbincangan mereka dengan mencadangkan supaya diwujudkan sistem pembayaran zakat secara pandu lalu. Idea ini juga wujud disebabkan pihak masjid melihat bahawa masyarakat yang ingin datang ke masjid pada masa kini agak susah dan sukar, maka pihak masjid merasakan bahawa dengan menggunakan cara ini boleh menarik hati-hati mereka supaya menjakkan kaki ke masjid. Hasil daripada pemerhatian mereka juga didapati bahawa masyarakat di Putrajaya khususnya amat suka gerak kerja yang pantas dan segera. Pada mereka, amat baik sekiranya sebarang urusan yang ingin dilakukan dapat dilaksanakan seberapa segera disebabkan faktor kesibukan dengan kerja dan sebagainya. Atas dasar inilah, pihak masjid memikirkan satu inovasi yang baharu, maka terhasilnya idea zakat pandu lalu ini (Hamdan Muhammad, 2018).

Kini, pihak masjid mempunyai dua kaedah pengurusan kutipan zakat fitrah di masjid iaitu di kaunter-kaunter dalam masjid dan kaunter pandu lalu khusus untuk masyarakat yang mahukan pembayaran zakat secara segera. Pengurusan kutipan zakat ini adalah hasil kerjasama pengurusan masjid dengan MAIWP. Amil yang layak untuk mengutip zakat fitrah ini terdiri daripada enam orang yang dilantik oleh MAIWP. Pihak masjid hanya mengutip zakat fitrah sahaja dan semua hasil daripada kutipan itu, diserahkan kepada MAIWP untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

3.3 Pengurusan Zakat di Institusi Masjid di Kedah

Negeri Kedah turut dikenal pasti telah memanfaatkan institusi masjid sebagai tempat kutipan dan agihan zakat dalam kalangan masyarakat di negeri Kedah. Namun begitu, peranan masjid dalam hal-hal berkaitan zakat adalah masih pada peringkat sokongan dan masih belum dilaksanakan secara menyeluruh. Sebagai contohnya, sebahagian masjid di negeri Kedah telah dipilih oleh LZNK sebagai tempat untuk pengagihan zakat bagi sesuatu kawasan. Pejabat Zakat Daerah Sik (PZDS) misalnya telah memilih Masjid Bandar Baru Beris Jaya, Sik sebagai tempat pengagihan zakat kepada asnaf yang berasal dari kawasan sekeliling. Pegawai PZDS, Ustaz Khairul Nizam beranggapan bahawa program pengagihan zakat kepada asnaf melalui masjid dapat mengoptimumkan peranan masjid sebagai tempat ibadat bagi masyarakat Islam di samping dapat mengimarahkan masjid dengan aktiviti yang bermanfaat bagi mereka (Zakat Kedah Press, 2018b). Selain itu, agihan zakat turut dilaksanakan di Masjid Kampung Nambua, Kedah. Pejabat Zakat Daerah Padang Terap (PZDPT) sebagai contohnya telah mengagihkan bantuan zakat kepada tiga orang penerima zakat yang telah disampaikan oleh Ustaz Ilyas sejurus selepas solat Jumaat. Menurut beliau, agihan zakat di masjid dilihat mampu dimanfaatkan sebagai medium untuk mengimarahkan masjid di samping mendekatkan golongan asnaf dengan masyarakat dan masjid sebagai tempat beribadat orang Islam (Zakat Kedah Press, 2018a).

Didapati bahawa kutipan dan agihan zakat telah dilaksanakan di negeri Kedah, namun begitu pelaksanaannya masih lagi secara rasmi dan sistematik. Hakikatnya, kutipan zakat di masjid hanya berlaku bagi kutipan zakat fitrah dan tidak termasuk jenis-jenis zakat yang lain seperti emas, pendapatan, tanaman dan ternakan. Berbeza pula dengan agihan zakat, beberapa buah masjid di negeri tersebut telah dipilih sebagai tempat pengagihan zakat dan dipilih oleh LZNK. Antara masjid yang dipilih oleh LZNK ialah seperti Masjid Kampung Bukit Nambua dan Masjid Bandar Baru Beris Jaya, Sik, Kedah. Umumnya, pihak pengurusan masjid dan Pejabat Zakat Daerah di negeri Kedah amat berpuas hati dan berharap program agihan zakat seperti itu dapat diteruskan di masa hadapan. Pihak imam di kedua-dua daerah tersebut berpandangan bahawa agihan zakat di masjid berupaya meningkatkan pengimaranan masjid dan menjadikan rakyat lebih faham dan sedar akan kepentingan berzakat.

3.4 Pengurusan Zakat di Institusi Masjid di Negeri-Negeri Lain

Zakat Pulau Pinang turut membuka kaunter perkhidmatan zakat di institusi masjid iaitu Masjid Negeri Pulau Pinang di Jalan Ayer Itam, Air Itam Pulau Pinang. Orang ramai boleh berurus di kaunter pada hari Khamis dan Jumaat bermula dari jam 9.00 pagi hingga jam 4.00 petang. Pada hari Khamis, kaunter akan ditutup sebentar pada jam 1.00 petang dan disambung semula pada jam 2.00 petang. Manakala waktu rehat pada hari Jumaat bermula pada jam 12.30 tengah hari hingga jam 2.45 petang.

Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) pula telah mewujudkan kaunter bergerak yang beroperasi dari masa ke masa di institusi masjid di negeri Johor. Kaunter bergerak ini dibuka bermula pada jam 11.00 pagi hingga jam 6.00 petang hanya pada hari Jumaat. Pemilihan masjid menjadi faktor penting dalam menempatkan kaunter bergerak iaitu masjid-masjid yang menjadi tumpuan ramai. Antara masjid yang terlibat dengan kaunter bergerak ialah Masjid Bandar Baru Uda, Masjid Bandar Dato Onn, Masjid Pulai dan masjid di Pasir Gudang. Kaunter ini kurang mendapat sambutan pada awal kewujudannya, tetapi mula mendapat perhatian pada minggu-minggu berikutnya.

Bagi negeri-negeri lain, meskipun tidak disediakan kaunter khusus untuk kutipan dan agihan zakat di masjid, kebanyakan masjid telah melantik amil bagi menguruskan zakat dan memudahkan ahli kariah untuk menunaikan zakat pada bila-bila masa. Kaunter zakat di masjid turut dibuka hanya pada bulan Ramadan untuk umat Islam menunaikan zakat fitrah.

4.0 ISU DAN CABARAN PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT DI INSTITUSI MASJID

Institusi masjid memainkan peranan yang penting terhadap pembinaan negara Islam Madinah seperti pada zaman Rasulullah SAW. Selain menjadi pusat bagi umat Islam mengerjakan ibadat solat, masjid juga menjadi medan perkembangan ilmu, sahsiah, sosial dan ekonomi (Syamsul Kurniawan, 2014). Dalam konteks pengurusan kutipan dan agihan zakat, masjid dilihat mampu menjadi medium perantara yang baik antara asnaf dengan muzakki yang tinggal di sesebuah lokaliti. Penetapan masjid sebagai ejen kutipan dan agihan zakat ini bukan sahaja dapat menggalakkan masyarakat untuk ke masjid untuk memohon zakat, malah memudahkan proses agihan zakat kepada asnaf yang layak menerimanya terutamanya bagi golongan asnaf yang sudah uzur. Sudah tiba masanya amil atau wakil institusi zakat menggandakan usaha untuk mendekati mereka (Hairunnizm et al., 2012).

Berdasarkan praktikaliti dan kejayaan struktur zakat yang diamalkan pada zaman Rasulullah SAW, strategi dan cadangan penambahbaikan kaedah lokalisasi pengurusan zakat di institusi masjid dilihat merupakan satu ikhtiar yang efektif dan ideal dalam usaha memperkasa sistem pengurusan zakat di Malaysia. Namun, terdapat isu dan cabaran yang perlu diambil kira dan ditangani dalam penstrukturkan dan perancangan kaedah pengurusan agihan zakat di institusi masjid.

4.1 Pengurusan zakat di masjid

Pengurusan yang holistik dan efektif merupakan gambaran kepimpinan dan cerminan kejayaan sesebuah organisasi, institusi atau kumpulan dalam jangka masa akan datang. Pengurusan organisasi yang terancang dan hebat akan memastikan kesemua hubungan tersebut dijaga tanpa pengabaian terhadap mana-mana aspek yang dinyatakan.

Tanggungjawab dalam melaksanakan tadbir urus zakat di institusi masjid, aspek pengurusan dan pembangunan sumber manusia amat perlu dititiberatkan untuk memastikan perkhidmatan dapat ditawarkan kepada umat Islam yang memerlukan pada tahap yang maksima (Ahmad Shahir & Adibah, 2010).

Cabaran pengurusan zakat di institusi masjid yang perlu diperhatikan adalah terhadap penempatan pejabat zakat di masjid yang meliputi kaunter agihan dan lantikan staf ataupun amil yang bertugas. Pembangunan fasiliti dan penempatan sumber manusia perlu diselaraskan bersesuaian dengan keperluan pelaksanaan pengurusan zakat di masjid. Faktor seperti ganjaran kepada amil sebagai pelaksana konsep serta pemerkasaan profesion amil menjadi taraf profesional perlu diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Jawatan amil perlu diwujudkan secara profesional serta bergaji tetap di setiap lokaliti supaya amil yang dilantik boleh bertugas sepenuh masa sepanjang tahun. Pelantikan amil pula digalakkan daripada golongan yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan agama dalam urusan zakat serta individu yang memiliki kelayakan akademik yang tinggi (Ram, 2011). Melalui pelaksanaan cadangan ini, ia bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti dan tahap profesionalisma profesion pengurusan zakat di Malaysia, malah ia juga akan memperkasa sistem pengurusan zakat menjadi lebih efisien dan cekap dalam aspek kutipan dan agihannya (Abdul Wahab et al, 2011).

4.2 Bentuk agihan zakat

Prestasi kutipan zakat telah meningkat dengan positif di kebanyakan negeri sekali gus memberi gambaran bahawa strategi pelaksanaan kutipan zakat oleh institusi pengurusan zakat telah membawa keberhasilan. Hakikatnya, walaupun sistem pengurusan kutipan dan agihan zakat sentiasa mengalami penambahbaikan dan pelbagai usaha telah dijalankan, namun begitu perubahan-perubahan itu masih belum mampu mengurangkan kadar kemiskinan secara drastik di negara kita. Hal ini kerana, permasalahan zakat yang timbul pada masa kini adalah membabitkan aspek pengurusan agihan zakat (Md Rafiqul Islam, 2016; Hairunnizam et al., 2010).

Umumnya permasalahan pengurusan agihan zakat ini dapat dirumuskan menerusi respons yang diterima daripada pembayar-pembayar zakat, rata-ratanya masih belum berpuas hati dengan aspek pengurusan agihan zakat yang dilaksanakan oleh institusi zakat (Mohd Sanep et al., 2006).

Sekiranya pihak institusi zakat tidak mengambil perhatian yang serius terhadap isu ini, ianya akan menimbulkan isu-isu lain seperti pembayaran zakat kepada golongan asnaf secara terus serta tidak formal dan sebagainya (Hairunnizam et al., 2009). Walaupun tindakan ini diharuskan oleh

sesetengah fuqaha, namun hakikatnya amalan ini akan mengundang permasalahan lain seperti isu agihan yang dipusatkan kepada golongan asnaf fakir dan miskin sahaja serta berlaku pengabaian terhadap enam golongan asnaf yang lain disebabkan oleh ketiadaan butiran dan maklumat asnaf yang lengkap.

Oleh itu, bagi memastikan pelaksanaan pengurusan zakat di institusi masjid dapat direalisasikan, isu dan kelemahan dalam kaedah pengagihan zakat sedia ada perlu dipandang serius. Hal ini kerana, pengagihan zakat merupakan proses terpenting yang melibatkan masyarakat dalam sesebuah lokaliti.

Bentuk agihan zakat yang disalurkan kepada setiap golongan asnaf perlulah jelas supaya masyarakat mempunyai persepsi yang positif terhadap pengurusan zakat yang ada. Agihan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan serta agihan berkala dan agihan segera merupakan antara mekanisma agihan zakat yang boleh diaplikasikan. Pengagihan zakat pada hari Jumaat selain dapat membentuk keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat, ia juga dapat menggalakkan individu dan jemaah untuk turut sama memberi sumbangan kepada asnaf dan golongan yang kurang berasib baik. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Kedah telah mengambil langkah dengan menyediakan tempat tinggal di masjid, makanan, minuman, dan keperluan kepada seorang ibu tunggal dan 10 anaknya sementara berusaha mencari tempat penginapan yang sesuai untuk keluarga tersebut (Lembaga Zakat Kedah, 2019). Begitu juga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), bagi meningkatkan sistem pengurusan agihan bantuan zakat kepada golongan asnaf, mereka telah melancarkan mesin ATM beras untuk golongan asnaf yang berkelayakan. Mesin itu turut berfungsi sebagai tabung supaya orang ramai turut boleh membuat sumbangan kewangan ke dalamnya (Mstar, 2019). Kaedah dan metode agihan zakat ini boleh ditambah baik dan diperbaiki dari masa ke masa oleh institusi zakat.

4.3 Pengenalpastian asnaf

Isu pengenalpastian asnaf merupakan cabaran dalam pengurusan zakat di institusi masjid yang sentiasa berkembang. Isu ini berkait rapat dengan proses pengagihan zakat terhadap golongan asnaf. Tanpa maklumat asnaf yang secukupnya, institusi zakat tidak dapat melaksanakan proses agihan zakat dengan berkesan sekaligus menjurus terhadap isu lebihan kutipan zakat setiap tahun. Perkara ini jika tidak diatasi akan mendorong masyarakat untuk mengambil inisiatif sendiri dengan membuat pembayaran zakat secara terus kepada golongan asnaf zakat yang mereka ketahui. Namun, kaedah ini akan menyebabkan berlakunya pengabaian terhadap golongan asnaf selain daripada golongan asnaf fakir dan miskin. Hal ini berkemungkinan berlaku kerana pembayar zakat kekurangan butiran dan maklumat serta kurang arif berkaitan golongan asnaf zakat selain daripada fakir dan miskin.

Menurut Md. Rafiqul Islam (2016) terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kurangnya keberkesanan pengurusan zakat antaranya (i) terdapat individu yang cenderung untuk mengagihkan zakat secara peribadi kepada asnaf terutamanya ahli keluarga ataupun jiran terdekat, (ii) masyarakat kurang percaya terhadap institusi pengurusan zakat kerana terdapat campur tangan kerajaan, (iii) institusi zakat yang dilantik oleh pihak kerajaan kurang pengetahuan berkaitan taburan asnaf yang berhak memperoleh zakat di kawasan lokaliti.


Oleh itu, institusi zakat bukan sahaja setakat perlu menguruskan maklumat berkaitan dengan permohonan bantuan zakat yang dibuat oleh asnaf, bahkan mereka juga perlu memberi fokus terhadap kerja mengumpul data-data berkaitan masyarakat di sesebuah lokaliti bagi memastikan golongan yang berpotensi juga turut dihulurkan bantuan. Proses pengumpulan data untuk tujuan

pengenalpastian asnaf ini amat penting bagi menyasarkan bantuan daripada lebihan kutipan zakat setelah diaghikkan kepada golongan asnaf tempatan melalui permohonan.

Pelaksanaan pengurusan zakat melalui institusi masjid merupakan langkah yang positif terhadap usaha pengenalpastian asnaf secara menyeluruh. Imam yang dilantik serta jawatankuasa masjid yang bernaung di bawah institusi zakat merupakan calon yang terbaik dan sesuai dalam usaha mengumpul data dan maklumat asnaf kerana mereka merupakan individu yang berasal dari lokaliti yang sama. Jurang perhubungan yang semakin dekat akan memudahkan proses mengenal pasti golongan asnaf yang layak menerima bantuan zakat secara tepat. Agihan zakat di institusi masjid selain dapat menambah kepercayaan umat Islam terhadap institusi pengurusan zakat yang ditadbir masjid, ia juga dapat menggalakkan masyarakat itu sendiri untuk bertindak sebagai wakil pusat zakat untuk membantu menyalurkan maklumat berkaitan zakat kepada asnaf yang tinggal di sekitar mereka.

5.0 CADANGAN

Institusi masjid dicadangkan supaya diperluaskan dan diperhebatkan peranannya sebagai institusi pengurusan zakat ke arah memartabatkan sistem pengurusan zakat yang berkesan. Model Tadbir Urus Pengurusan Zakat di Institusi Masjid yang dicadangkan adalah seperti dalam Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Model Tadbir Urus Pengurusan Zakat di Institusi Masjid

6.0 PENUTUP

Fungsi dan peranan institusi masjid pada zaman Rasulullah SAW adalah merupakan satu acuan model ideal dalam memartabatkan syiar Islam yang wajar diteladani oleh setiap antero masyarakat Islam pada hari ini. Terdapat pelbagai fungsi institusi masjid yang diperlakukan pada zaman Rasulullah SAW. Antaranya adalah sebagai pusat penyebaran ilmu Islam, pusat mengagihkan zakat dan sedekah, tempat mesyuarat dan perbincangan ahli-ahli politik, pusat pertemuan delegasi-delegasi kedutaan asing, penempatan penjara orang-orang kafir, tempat beriadah dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, masjid pada hari ini telah dihadkan peranannya dan lebih cenderung untuk digunakan sebagai tempat melaksanakan ibadah khusus semata-mata. Ironinya, terdapat juga beberapa masjid di Malaysia yang melebarkan skop fungsi institusi masjid dengan mewujudkan kaunter mini agihan zakat, perpustakaan, lokasi penganjuran majlis keraian, rumah musafir dan sebagainya. Dalam kerangka aplikasi pengurusan zakat semasa, institusi masjid adalah tempat yang sesuai bagi melaksanakan kutipan dan agihan zakat dalam kalangan masyarakat setempat. Amalan yang turut dikenali sebagai proses melokalisasikan zakat ini mampu diterjemahkan sebagai medium yang sangat dekat dan adil dalam kutipan dan agihan zakat di Malaysia khususnya. Hakikatnya, pelbagai manfaat akan diraih oleh pihak yang pelbagai sekiranya pengurusan zakat dilokalisasikan pengurusannya melalui institusi-institusi masjid di bawah sesebuah negeri. Justeru, peranan institusi masjid wajar diperhebat dengan memperkasakan fungsinya sebagai pusat pengurusan zakat yang utama dalam usaha memartabatkan sistem pengurusan zakat di Malaysia.

Penghargaan

Pengkaji mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia (KPT) kerana membayai sepenuhnya kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Kod Penyelidikan JPT: FRGS/1/2017/SSI03/USIM/02/10 dan Kod Penyelidikan USIM: USIM/FRGS/INFAD/FSU/055002/51117. Pengkaji juga merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

Rujukan

- Ahmad Shahir & Adibah Abdul Wahab. (2010). Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Isu dan Cabaran. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam 2010. 14 Julai 2010. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Fidlizan & Mohd Yahya. (2009). Pendidikan Pelaburan Dana Masjid Kepentingan Memperkasa Ekonomi Ummah. Kongres Ekonomi Islam Ketiga. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?. *Jurnal Syariah*, 17(1), 89-112.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2010). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4(1), 141-170.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2012). Melokalisasikan Urus Tadbir Pengagihan Zakat: Peranan Institusi Masjid di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 3, 71-83.
- Hamdan Bin Muhammad, Pegawai Perhubungan Awam, Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin, temubual, 3 Januari 2018.

- Khaf, M. (1999). The Performance of the Institution of Zakat in Theory and practice. International Conference on Islamic Economics Towards the 21st Century. Kuala Lumpur. April 26-30, 1999.
- Kothari, C.R. (2004). Research Methodology: Methods and Techniques. Delhi: New Age International Publisher.
- Lembaga Zakat Kedah. (2019). 26 Mac 2019. Nasib Seorang Ibu Dan 10 Anak Yang Menumpang Tinggal Di Masjid, Dibela Zakat Kedah. <https://www.zakatkedah.com.my/nasib-seorang-ibu-dan-10-anakyang-menumpang-tinggal-di-masjid-dibela-zakat-kedah/>. Diakses pada 12 April 2019.
- Md. Rafiqul Islam. (2016). General Mosque Based Zakat Model To The Alleviation of Poverty – Evidence From Bangladesh. *IOSR Journal of Business and Management (IOSR-JBM)*, 18(4), 1-9.
- Mohamed Abdul Wahab et. al. (1995). Malaysia (A Case study of Zakat Management). In. el-Ashker & Sirajul Haq. (eds.). Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications. Jeddah: IRTI/IDB. p. 297-378.
- Mstar Online. (2019). 24 Februari 2019. Mesin ATM beras percuma untuk asnaf wajar jadi ikutan pihak berkuasa agama negeri lain. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2019/02/24/atm-beras>. Diakses pada 12 April 2019.
- Muhammad Syukri Salleh. (2006). Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoritis. Dlm. Hailani & Abdul Ghafar (penyt). Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mutiara Dwi Sari & Muchtar Ahmad. (2010). Memperkasakan Zakat: Dari Pengumpulan Terus Ke Pengagihan. The 4th Isdev International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010): Zakat Transformation: From Subsistence To Productive. 21– 22 Disember 2010. Anjuran Centre For Islamic Development Management Studies (ISDEV).
- Ram Al Jaffri. (2011). Profesionalisme Amil dalam Transformasi Agihan Zakat. Dlm. Muhammad Syukri Salleh, Mohamad Salleh Abdullah & Zahri Mamat. (eds.). Transformasi Zakat: Daripada Zakat Saradiri kepada Zakat Produktif. Pulau Pinang: PUZ, MAINPP & ISDEV.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. (2006). “Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia”. *International Journal of Management Studies*, 13(2), 175-196.
- Sidi Gazalba. (1975). Masjid Pusat Pembinaan Ummat. Jakarta: Pustaka Antara.
- Sidi Gazalba. (1976). Masyarakat Islam. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Syamsul Kurniawan. (2014). Masjid Dalam Lintasan Sejarah Umat Islam. *Journal of Islamic Studies Khatulistiwa*, 4(2), 169-184.